

Taufan Fengshen, 17 orang terbunuh

MM 22/6/08
M/S 18

MANILA 21 Jun - Sekurang-kurangnya 17 orang mati apabila Taufan Fengshen membadai tengah Filipina hari ini sehingga menyebabkan banjir kilat dan perhubungan ke pulau perangan Boracay terputus.

Radio tempatan melaporkan berpuluh-puluh orang hilang di Mindanao selepas hujan lebat menyebabkan air melimpah tebing dan berlaku kejadian tanah runtuh.

Dua orang dilaporkan lemas di tengah kepulauan ini.

Bagaimanapun pegawai bencana tidak dapat mengesahkan kematian itu.

Taufan Fengshen dengan kelajuan angin 195 kilometer sejam pada awalnya diramal membadai bahagian pesisir timur Filipina sebelum berpatah balik ke Lautan Pasifik.

Bagaimanapun, tofau ini bertambah kuat dan menuju ke barat merentasi bahagian tengah kepulauan Filipina dan dijangka menuju ke selatan China.

Para pelancong di pulau perangan Boracay pula menjauhkan diri dari kawasan pantai berikutan angin kencang dan ombak besar dan semua penerbangan dibatalkan.

"Semua orang bersuka-ria, makan dan minum. Ribut datang secara mengejut, kami tidak menjangkanya," kata seorang pekerja hotel, Jay Paraoan.

Taufan ini menyebabkan pokok-pokok tercabut, talian elektrik terputus dan kapal-kapal berlabuh di dermaga, sementara berpuluh-puluh penerbangan domestik dibatalkan.

Sementara itu para pegawai di Manila melakukan persediaan bagi menghadapi



PENDUDUK berlari meredah hujan dan air banjir di bandar Iloilo di tengah Filipina apabila Taufan Fengshen membadai kawasan itu semalam.

hujan lebat akibat Taufan Fengshen yang dijangka membadai esok.

"Kumpulan bantuan dan penyelamat

diarah bersedia. Kami akan tidur di pusat kecemasan malam ini," kata Pengurus Besar Pihak Berkuasa Pem-

bangunan Metro Manila, Roberto Nacianceno.

- AFP

- Reuters